

GOH KAI XIN v SOONG MASY SIN
Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, Di Ipoh
No. TTPM-A-(P)-11-2022
Presiden: Dato Suhaimi Bin Ibrahim

SEBAB-SEBAB KEPUTUSAN

1. PENGENALAN

- 1.1 Pada 27 September 2022, Mahkamah Tribunal ini telah membenarkan tuntutan Pihak Yang Menuntut (PYM) setelah mendengar keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh PYM dan Pihak Penentang (PP). Award yang diberikan adalah sepertimana Borang 10.
- 1.2 Sebelum Award Borang 10 ini di keluarkan, Mahkamah telah sebelum itu membenarkan award Borang 8 kepada PYM setelah PP gagal hadir bicara pada tarikh yang ditetapkan iaitu, pada 23 Februari 2022.
- 1.3 Bagaimanapun Award Borang 8 ini telah diketepikan pada 25 April 2022, setelah Mahkamah menerima penjelasan PP melalui permohonan Borang 12.
- 1.4 Bagi Award Borang 8, Mahkamah telah terlebih dahulu memberikan pertimbangan akan segala fakta dan keterangan yang dikemukakan oleh PYM melalui Borang 1 bersamaan lampiran-lampirannya. Bagi Borang 10, Mahkamah telah mengambil kira Borang 1, Borang 2 bersamaan lampiran-lampiran yang berkaitan, dokumen-dokumen tambahan yang telah difailkan serta kenyataan dan keterangan lisan oleh kedua-dua pihak di mahkamah.

2. KES PIHAK YANG MENUNTUT (PYM)

- 2.1 Dari Borang 1, Dokumen sampingan dan keterangan lisan tuntutan PYM adalah berasaskan kepada satu perjanjian dengan pihak PP bagi mendapatkan pembekalan pembantu rumah warga Indonesia. Bagi tujuan ini, pada 19 Februari 2019, PYM telah mengeluarkan sekeping cek Public Islamic Bank

dengan nilai RM12800.00 diatas nama Soong May Sin (PP). Ini adalah bayaran yang dianggap sebagai deposit bagi kos yang di persetujui sebanyak RM18,800.00. PP adalah salah seorang Pengarah (Director) bagi syarikat Agensi Pekerjaan BMS SDN. BHD. Dia juga mempunyai pegangan saham sebanyak 245,000 saham daripada sejumlah 250,000 yang di keluarkan. (rujuk cabutan SSM). Sehingga tarikh perbicaraan (tarikh Borang 10), PP telah gagal membekalkan pembantu rumah sepertimana perjanjian. Oleh yang demikian PYM menuntut di kembalikan wang deposit RM12800 yang telah dibayar kepada PP.

3. KES PENENTANG

- 3.1 Penentang telah menfailkan Borang 2 (Penyata Pembelaan) pada 11hb.Mac 2022. Melalui pembelaannya, PP tidak mempertikaikan bahawa, di bawah perjanjian pembekalan orang gaji ini, PP seharusnya membekalkan seorang warga Indonesia sebagai orang gaji kepada PYM. PP turut tidak menafikan bahawa pada 19 Februari 2019, beliau telah menerima RM12800 wang deposit daripada PYM.
- 3.2 Mengikut PP, dari deposit yang diterima, sejumlah RM12000 secara tunai telah beliau serahkan kepada seorang ejen bernama "Lim Fook Geok", bertujuan mendapatkan seorang pembantu warga Indonesia bernama "Nani". Manakala wang lebihan RM800 adalah komisennya. (Rujuk payment vouchers bertarikh 19.3.2019).
- 3.3 PP turut menyatakan bahawa beliau telah mengusahakan satu pertemuan di Ipoh agar PYM dapat bertemu dengan Nani, namun usaha ini tidak berjaya oleh kerana PYM tidak dapat dihubungi untuk memaklumkan berkenaan pertemuan ini. PP juga menyalahkan PYM diatas kegagalan pembekalan orang gaji ini kerana dia mendakwa PYM lewat menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

4. ISU DAN PRINSIP UNDANG-UNDANG

- 4.1 Kes ini tidak melibatkan apa-apa perjanjian secara bertulis. Niat dan obligasi masing-masing adalah jelas termeterai daripada perhubungan mereka secara lisan, bayaran yang di buat oleh PYM dan diterima oleh PP serta melalui tindakan kedua-dua pihak.
- 4.2 Isunya adalah, sama ada PYM boleh menuntut kembali wang RM12,800 yang dikatakan mereka sebagai deposit dari sejumlah kos RM18,800 daripada PP yang telah gagal membekal seorang pembantu rumah warga Indonesia sepertimana yang telah dijanjikan oleh PP.
- 4.3 Dari sudut ini mahkamah berpendapat, kejayaan PYM menuntut wang ini hendaklah dilihat dalam konteks sama ada wang RM12,800 adalah deposit atau "part payment". Prinsipnya jelas diungkapkan didalam kes **Lim Lay Bee & Anor v Allgreen Properties Ltd (1999) 1 SLR 471** dimuka surat 482 dan ia adalah seperti berikut;

"A deposit is a sum of money paid as 'a guarantee that the contract shall be performed'. At common law, it is generally irrecoverable unless the contract otherwise provides. A part payment is simply a payment of part of the contract price: it is generally recoverable unless the contract validly provides the contrary."

- 4.4 Persoalannya adalah, adakah RM12,800 yang merupakan hampir 70% dari jumlah kos RM18,800 sebenarnya deposit atau part payment? Jawapannya adalah jelas kerana mengikut prinsip dan amalan biasa, secara umumnya menerima deposit sebagai bayaran pada kadar 10% dari jumlah kontrak. Pembayaran yang dibuat melebihi kadar itu sehingga hampir 70% dari jumlah kos kontrak, adalah sewajarnya menjadi part payment. Rujuk kes **Investor Sdn Bhd v Sobena Maju Sdn Bhd. [2008] 2 MLJ 359** at paras 149-151 (per Zainun Ali JCA, Mokhtar Sidin JCA);

“The test normally accepted to ascertain whether a sum is within the bounds as earnest of performance and therefore deemed a true deposit is where it represents 10% of the purchase price. In short, it is conventionally accepted that a deposit of 10% is a true deposit. As case laws in various jurisdictions have shown, a deposit of 10% of the purchase price is quite commonplace and has enjoyed widespread commercial approval and acceptance....”

- 4.5 Kejayaan menuntut kembali wang ini turut dokong atas hakikat bahawa yang gagal didalam obligasi perjanjian ini adalah PP bukannya PYM. Bayaran telah pun dibuat, namun sehingga kes ini dibicarakan pembantu rumah warga Indonesia masih tidak berjaya dibekalkan oleh PP kepada PYM. Oleh yang demikian, dengan mengambil panduan daripada kes, **Warren v Tay Say Geok & Ors (1965) 1 MLJ 44**, dimana Lord Hodson dalam keputusan bagi pihak Privy Council menyatakan;

“The matter is clearly stated by Cotton LJ in the leading case of Howe v Smith (1884) 27 Ch D 89 as follows: The deposit, as I understand it, and using the words of Lord James (viz in Ex Parte Barrell LR 10 Ch 512), is a guarantee that the contract shall be performed. If the sales goes on, of course, not only in accordance with the words of the contract, but in accordance with the intention of the parties in making the contract, it goes in part payment of the purchase money for which it is deposited; but if on the default of the purchaser the contract goes off, that is to say, if he repudiates the contract, then according to Lord Justice James, he can have no right to recover it.”;

tuntutan PYM untuk mendapatkan kembali wang RM12,800 yang dibayarkannya kepada PP sebagai deposit adalah tidak terhalang.

5. KEPUTUSAN

- 5.1 Dalam kes ini fakta-fakta yang di kemukakan oleh kedua-dua pihak telah dengan jelas menunjukkan bahawa ada perjanjian antara PYM dan PP bagi pembekalan seorang pembantu rumah warga Indonesia. Untuk tujuan ini, pada 19 Februari 2019 wang sejumlah RM12800, telah di bayar oleh PYM kepada

PP. Namun sehingga kini, PP telah gagal untuk membekalkan pembantu ini sepertimana yang dijanjikan. Pembelaan PP yang menyatakan bahawa wang ini telah diserahkan kepada “Lim Fook Geok” secara tunai juga tidak dapat mahkamah ini terima tanpa penama ini dipanggil sebagai saksi bagi menerangkan akan peranan dan tindakan yang telah mereka lakukan bertujuan membekalkan pembantu rumah Indonesia kepada PYM.

- 5.2 Disamping huraian di para 4 mengenai isu sama ada wang RM12800 adalah deposit atau part payment, keterangan pembelaan sendiri telah menjelaskan bahawa ia adalah sebahagian dari jumlah penuh iaitu RM18800 yang perlu dibayar oleh PYM. Malah PP sendiri telah mencadangkan kepada PYM bahawa jika PYM sanggup untuk menerima pembantu rumah dari Filipina, PYM hanya perlu tambah RM6000 bagi mencukupi jumlah penuh kerana pembantu Filipina ini juga di tawarkan dengan kos yang sama dengan pembantu rumah Indonesia. Oleh itu jelaslah RM12800 adalah part payment.
- 5.3 Oleh yang demikian setelah mengambil kira RM12800 adalah part payment dan setelah mendapati bahawa kegalan adalah di pihak PP, mahkamah memutuskan bahawa PP tiada hak untuk merampas wang RM12800 yang di bayar oleh PYM.
- 5.4 Justeru itu, Award Borang 10 yang membenarkan tuntutan PYM adalah wajar dan bersesuaian dengan fakta-fakta yang ada.

Bertarikh 31 Mac 2024

(DATO' SUHAIMI BIN IBRAHIM)
Presiden
Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia